

Anderias Uvang

v

Mohd Azlan b Abdul Rahman & Anor

Sessions Court, Teluk Intan – Civil Suit No. 53-47-2010
Adli Abd Ghalib scj

[39] Quantum – *Abrasion and laceration – Laceration – Right leg distally based flap laceration – Head – Concussion – Cerebral concussion – Lower limb – Femur – Closed fracture of right femur – Knee – Posterior cruciate ligament rupture of right knee – Upper limb – Arm – Closed fracture of right humerus – Finger – Fracture neck of fifth metacarpal bone – Multiple scars*

Date of accident

September 13, 2009

Date of grounds of judgment

September 13, 2012

Brief description of plaintiff's injuries

1. Cerebral concussion
2. Closed fracture of the right femur with permanent disabilities
3. Closed fracture of the right humerus
4. Fracture neck of the fifth metacarpal bone
5. Posterior cruciate ligament rupture of the right knee
6. Right leg – distally based flap laceration

Disabilities

1. Difficulties in carrying weights, climbing staircases and walking on uneven surfaces
2. Multiple scars – 2.5 cm to 12 cm scars over the arm, leg, thigh and fingers
3. Muscle wasting
4. Probability of osteoarthritis in the future
5. Unable to stand for long hours
6. Walks with a limping gait

Plaintiff's age

- (a) As at date of accident : NA
(b) As at date of hearing : NA

1 **Plaintiff's occupation**

- (a) As at date of accident : NA
(b) As at date of hearing : NA

5 **Plaintiff's earnings**

- (a) As at date of accident : NA
(b) As at date of hearing : NA

Liability

10 100% against the defendants

Award (Based on 100% liability)

1. *General damages*

- 15 (a) Cerebral concussion – RM 5,000.00
(b) Closed fracture of the right humerus
(Note: The plaintiff as a result suffers from
difficulty in carrying weights and
muscle wasting) – RM15,000.00
(c) Fracture neck of the fifth metacarpal bone – RM 5,000.00
20 (d) Closed fracture of the right femur with
permanent disabilities – RM30,000.00
(e) Posterior cruciate ligament rupture of the
right knee (Note: The plaintiff as a result
suffers from difficulties in climbing
25 staircases and walking on uneven surfaces,
unable to stand for long hours, probability
of osteoarthritis in the future and walks
with a limping gait) – RM15,000.00
(f) Right leg – distally based flap laceration – RM 4,000.00
(g) Multiple scars – 2.5 cm to 12 cm scars over
30 the arm, leg, thigh and fingers – RM 6,000.00

2. *Special damages*

- (a) Travelling expenses incurred by the plaintiff – RM 300.00
35 (b) Cost of future surgery for removal of iron
plate from humerus and femur – RM 6,000.00

Interest

- (a) 2% per annum on special damages from date of accident until date of
judgment.
40 (b) 4% per annum on general damages from date of service of summons until
date of judgment.
(c) 4% per annum on total judgment sum from date of judgment until date
of full settlement.

Cases referred to by the court

Ahmad Zarrin Anas b Ahmad Kamal v Mohd Amirul Azizi b Abdul Gani [2011] 2 PIR [54], sc

Amera Farhana bt Rahmad & 3 Ors v Shah Rudin b Abd Rahman & 3 Ors [2011] 2 PIR [28], sc

Azman b Sakio & Anor v Kang Kok Tai (Thye) & Anor [2010] 2 PIR [2], sc

Chan Peng Fook v Kan Pak Lee [1974] 2 MLJ 197

Faizul Salleh & Anor v Lim Kooi Seng & Anor [2011] 2 PIR [31], sc

Firdaus b Abd Malik & Anor v Wee Kok Choo [2011] 1 PIR [15], sc

Govinda Raju & Anor v Laws [1966] 1 MLJ 188

Hassim b Hashim v Mohd Azwar b Ayob [2012] 1 PIR [59], sc

Hilda a/p Sandiavoo v Leong Pui Yee [2011] 2 PIR [70], sc

Lee Eng Chuan v Png Kun Seah [2011] 1 PIR [60], sc

Lim Boon Kwee v Isram b Maksom & Anor [2010] 2 PIR [4], sc

Lim Gaw Teong & Anor v Daniel & Anor [1968] 1 MLJ 277

Lim Peng Khoon & 3 Ors v Azizul Azreen b Abd Rahim & Anor [2012] 1 PIR [20], sc

Lim Soon Lai & Anor v Ganapathy a/l Vityalingam & Anor [2007] 1 PIR [58], sc

Mariam bt Ahad v Ernesto A Gacad & Anor [1986] 1 MLJ 266

Mohamad Azmil b Kadir v Noraizi b Kassim & Anor [2010] 1 PIR [3], sc

Mohamed Ali Jinah v Lui Kuan Yong [2010] 1 PIR [39], sc

Mohamed Hashim v Lim Ah Too & Anor [1969] 2 MLJ 205, FC

Mohamed Salleh b Awang & Anor v Low Han Leong & Anor [1982] 1 MLJ 82, FC

Mohd Roslan b Mohd Ilias v Mat Amran b Talib [2011] 2 PIR [37], sc

Muhamad Fuad b Yahya v Loh Kok Wei [2010] 1 PIR [28], sc

Rugber Kaur a/p Ajaib Singh v Ho Shee Fun [2011] 2 PIR [26], sc

Taharuddin b Ahmad v Leo Moi & Anor [1989] 2 CLJ (Rep) 543, HC

Tan Ah Chye v Chin Kong Sang [1976] 2 MLJ 237, HC

Zainuddin b Ahmad v Ismail b Fakir Muhamed & Anor [2012] 1 PIR [67], sc

Legislation referred to by the court

Road Traffic Rules 1959, rule 10

Solicitors

Shabnam Haseena Mohd Hanif (SV Namasoo & Co) for plaintiff

Bhupinder Jit Singh (Ng Chee Kong & Co) for defendants

Adli Abd Ghalib scj**Liabiliti**

[1] Tuntutan plaintiff di dalam kes ini adalah untuk ganti rugi am dan khas bagi kecederaan dan kerugian yang dialami berikutan satu kemalangan jalanraya yang berlaku pada September 13, 2009 jam lebih kurang 1.35 tengahari

1 di KM 125, Jalan Ipoh – Kuala Lumpur di antara plaintif yang menunggang
motorsikal No. WCV 6754 dan defendan yang memandu motorkar No. BEX 5702.

5 [2] Di dalam perbicaraan kes ini seramai tiga orang saksi telah memberi
keterangan, iaitu plaintif, pegawai penyiasat dan defendan kedua. Pegawai
penyiasat telah memberi keterangan bahawa beliau telah pergi ke tempat
kejadian untuk menyiasat kemalangan ini setelah menerima maklumat dan
telah melukis rajah kasar dan kunci rajah kasar di tempat kejadian yang
dikemukakan di mahkamah ini sebagai P1 dan P1K. Menurut pegawai
10 penyiasat, arah perjalanan plaintif adalah dari bawah ke atas mengikut rajah
kasar dan arah perjalanan defendan adalah dari atas ke bawah. Selain dari
melukis rajah kasar pegawai penyiasat telah mengambil gambar-gambar di
tempat kejadian, sebanyak lapan keping, yang ditandakan di mahkamah
sebagai P3A ke H. Pegawai penyiasat memaklumkan mahkamah bahawa
had laju tempat kemalangan adalah 60 km/j.

15 [3] Kerosakan motorsikal menurut pegawai penyiasat, adalah *fork* hadapan
bengkok, keseluruhan bahagian hadapan rosak dan enjin bahagian hadapan
pecah. Kerosakan motorkar defendan adalah *bumper* hadapan kanan pecah,
mudguard hadapan kanan kemek, lampu besar kanan pecah, lampu isyarat
kanan pecah, tayar hadapan pecah, cermin sisi kiri terlipat.

20 [4] Garisan yang ditandakan D oleh pegawai penyiasat adalah merupakan
garisan berkembar dan tanda L adalah tanda serpihan daripada kemalangan
ini. Kesan K yang dijumpai di laluan Tanjung Malim ke Slim River adalah
kesan brek daripada motorkar defendan dan ia berukuran 50 meter. Kesan
ini dapat dilihat di dalam gambar P10A. Pegawai penyiasat mengatakan
25 bahawa beliau telah mengambil tindakan terhadap defendan di bawah
Rule 10 LN 166/59 dan defendan telah menjelaskan saman ini.

30 [5] Semasa diperiksa balas oleh peguam defendan, pegawai penyiasat
mengatakan bahawa tindakan di bawah Rule 10 LN 166/59 diambil terhadap
defendan kerana defendan telah hilang kawalan dan masuk ke laluan plaintif.
Menurut pegawai penyiasat kesan brek K bermula dari C ke D dan berakhir
di mana motorkar defendan berada. Kedudukan kesan L, iaitu serpihan
kemalangan adalah berselerak dan ada terdapat sedikit kesan ini di C ke D.
Semasa peguam plaintif memeriksa semula pegawai penyiasat beliau
mengatakan bahawa hanya satu tayar defendan yang pancit dan terdapat
35 dua kesan brek. Kesan L, kesan serpihan adalah tertumpu di B ke C, iaitu
laluan plaintif.

40 [6] Keterangan plaintif adalah bahawa pada hari kemalangan, sejurus
sebelum kemalangan berlaku, beliau di dalam perjalanan balik ke rumahnya
dengan menunggang motorsikalnya No. WCV 6754 di laluan antara B ke C
dan di dalam kelajuan lebih kurang 50 km/j. Sedang beliau menunggang di
laluannya tiba-tiba motorkar defendan datang dari arah bertentangan, iaitu

dari atas ke bawah mengikut rajah kasar, masuk ke laluan plaintif dan berlaku pertembungan. Plaintif mengatakan kali pertama beliau nampak motorkar defendan masuk ke laluan adalah lebih kurang 10 kaki. Di dalam jarak itu plaintif hanya sempat memusing *handle* motorsikalnya sedikit ke kiri tetapi tidak berjaya mengelakkan perlanggaran. Plaintif telah menandakan X sebagai tempat berlakunya kemalangan, iaitu di lokasi serpihan-serpihan kemalangan. Menurut plaintif defendan tidak memberikan sebarang amaran semasa masuk ke laluan. Plaintif telah membuat laporan polis berkenaan kemalangan ini dan ditandakan di mahkamah ini sebagai P2.

[7] Defendan di dalam keterangannya mengatakan bahawa sebelum kemalangan beliau memandu motorkarnya dari atas ke bawah mengikut rajah kasar di dalam kelajuan 40 km/j ke 50 km/j. Defendan mengatakan bahawa kemalangan berlaku apabila ada sebuah motorsikal menghimpit beliau ke kiri dan beliau telah mengelak ke kanan sedikit. Apabila beliau masuk ke kiri kemalangan telah berlaku. Defendan mengatakan bahawa tayar motorkarnya melepasi garisan tengah jalan dan semasa beliau hendak ke kiri, perlanggaran berlaku. Defendan mengatakan bahawa pada masa beliau mula-mula mengelak ke kanan motorsikal plaintif tiada. Mengikut defendan pertembungan berlaku apabila motorsikal plaintif melanggar bahagian hadapan kanan motorkarnya seperti di dalam gambar P10 F. Akibat kemalangan ini tayar motorkarnya telah kempis dan *rim* pecah, tayar telah rapat ke *mudguard* hadapan menyebabkan tayar tidak boleh bergerak dan plaintif tidak boleh membalas ke kiri. Defendan telah membuat laporan polis mengenai kemalangan ini, yang ditandakan sebagai D11.

[8] Defendan mengatakan beliau biasa menggunakan jalan tempat kemalangan dan beliau tahu jalan itu ada garisan berkembar. Defendan telah menandakan Y sebagai tempat kemalangan, iaitu di tengah-tengah jalan di garisan berkembar dan beliau tidak bersetuju penandaan X yang dibuat oleh plaintif sebagai tempat kemalangan berlaku. Walaubagaimanapun defendan bersetuju bahawa di dalam laporan polisnya beliau tidak mengatakan kemalangan berlaku di garisan berkembar. Defendan juga setuju bahawa semasa perlanggaran dan akibat kemalangan, telah mengakibatkan serpihan daripada kenderaan-kenderaan. Meskipun begitu defendan tidak bersetuju bahawa kesan serpihan L adalah daripada kenderaan beliau. Defendan setuju bahawa apabila kemalangan berlaku beliau telah menekan brek. Akibat perlanggaran motorkarnya terus "*jam*" dan beliau telah terus ke hadapan. Plaintif mengatakan bahawa beliau sedar tentang kehadiran motorsikal plaintif dan perlanggaran berlaku apabila motorkarnya pergi ke kanan jalan.

[9] Di akhir pemeriksaan balas defendan bersetuju bahawa jika beliau lebih berhati-hati kemalangan ini tidak akan berlaku. Defendan setuju bahawa apabila beliau elak ke kanan beliau tidak memberikan apa-apa amaran kepada kenderaan di hadapannya. Defendan setuju bahawa beliau telah menghalang laluan plaintif.

1 [10] Dilihat daripada versi-versi plaintif dan defendan yang berbeza, tugas
mahkamah adalah untuk menilai segala keterangan dan memutuskan versi
mana yang lebih berkebarangkalian. Di dalam membuat keputusan tersebut,
di samping keterangan lisan pihak-pihak, mahkamah juga berpandukan
5 keterangan senyap yang dihasilkan daripada penyiasatan polis seperti rajah
kasar, kesan-kesan kerosakan kenderaan dan gambar-gambar tempat kejadian.
Pertama sekali mahkamah mendapati bahawa kedudukan motorkar No. BEX
5702 yang dipandu oleh defendan adalah di lorong sah plaintif. Defendan
telah memberi keterangan bahawa kemalangan berlaku di Y dan bukannya
10 di X. Namun begitu dakwaan defendan tidak disokong oleh kedudukan
motorkarnya. Kedudukan motorkar defendan yang berakhir di laluan A ke B
menunjukkan bahawa defendan telah memasuki laluan sah plaintif dan
melanggar plaintif.

[11] Selain daripada kedudukan motorkar defendan, mahkamah mendapati
15 bahawa kesan-kesan di tempat kemalangan juga tidak menyokong dakwaan
defendan. Kesan L dan tempat tertumpunya kesan L menunjukkan
pertembungan berlaku di L atau X yang ditandakan oleh plaintif di atas kesan L.
Defendan sendiri semasa memberi keterangan bahawa akibat pertembungan
di antara motorsikal plaintif dan motorkar defendan, serpihan-serpihan dan
20 komponen-komponen telah terkeluar. Mahkamah merujuk kepada kes yang
dirujuk oleh peguam plaintif iaitu *Lim Gaw Teong & Anor v Daniel & Anor*
[1968] 1 MLJ 277 di mana mahkamah memutuskan bahawa berpandukan
kepada rajah kasar dan kunci serta kesan-kesan serpihan kaca, kesimpulan
yang dibuat adalah kemalangan berlaku di laluan sah plaintif. Mahkamah
di dalam kes tersebut telah memutuskan seperti berikut:

25 The police sketch plan establishes beyond doubt that the collision occurred fairly
close to the plaintiffs' correct side of the road. The petrol stains and broken pieces
of glasses on the road as indicated in the plan fairly confirm or suggest that the
accident had occurred in the manner described by the first plaintiff.

30 [12] Kedua, mahkamah mendapati kesan brek akibat kemalangan di dalam
jarak 50 meter menunjukkan bahawa defendan telah memasuki laluan sah
plaintif dengan tiba-tiba. Mahkamah merujuk kepada kes *Mohamed Salleh b
Awang & Anor v Low Han Leong & Anor* [1982] 1 MLJ 82:

35 In short what influenced the trial judge most, and we respectfully agree with
him, were the brake or tyre marks clearly resulting from the violent braking of
respondent's lorry, shown as parallel lines on the sketch plan. These brake marks
he found corroborated respondent's testimony that he was at all relevant times on
his correct side of the road, and also made probable that the respondent's version
of how the front of his vehicle had come to straddle the centre of the road.

40 [13] Kesan cengkaman tayar yang disahkan oleh pegawai penyiasat adalah
dari tayar motorkar defendan, memandangkan ia berakhir di mana motorkar

defendan terhenti, menunjukkan bahawa defendan telah memandu di dalam kelajuan yang tinggi, lebih daripada 80 km/j, bukan 40 ke 50 km/j seperti yang didakwa olehnya. Kelajuan yang tinggi itulah yang menyebabkan “*violent braking*,” di mana kesan brek K sepanjang 50 meter telah terhasil.

[14] Defendan tidak memberikan perhatian kepada jalanraya dan lalulintas di atas jalanraya semasa kemalangan jalanraya. Defendan mengatakan bahawa beliau hanya sedar tentang kehadiran plaintif pada masa perlanggaran berlaku dan bukan sebelum itu.

[15] Mahkamah mendapati bahawa keterangan defendan di mahkamah adalah tidak konsisten dengan keterangan senyap yang dikemukakan di mahkamah ini. Semasa memberi keterangan defendan mengatakan bahawa semasa kemalangan, tayar motorkarnya telah masuk ke garisan berkembar dan kemudiannya beliau ke kiri. Defendan mengatakan bahawa kemalangan telah berlaku di garisan berkembar. Namun begitu tiada satu pun keterangan yang menyokong keterangan defendan ini. Malah defendan di dalam laporan polisnya sendiri tidak mengatakan kemalangan berlaku di garisan berkembar. Kesan brek K tidak bermula di garisan berkembar, tetapi di C, di dalam laluan plaintif. Kesan serpihan L juga bukan di garisan berkembar tetapi bertumpu di laluan sah plaintif. Alasan yang diberikan oleh defendan mengapa beliau telah menjelaskan saman untuk kesalahan rule 10 juga menyokong dapatan bahawa defendan adalah cuai. Defendan mengatakan bahawa beliau membayar saman “sebab polis kata saya melepasi garis *double line*.”

[16] Semasa pemeriksaan balas defendan telah bersetuju dengan cadangan peguam plaintif bahawa beliau telah menjelaskan saman kerana beliau adalah penyebab kemalangan ini. Defendan telah bersetuju bahawa beliau gagal mengawal kenderaannya apabila mengelak ke kanan. Defendan bersetuju bahawa apabila beliau mengelak ke kanan, beliau tidak memberikan apa-apa amaran atau isyarat kepada plaintif. Defendan bersetuju bahawa jika beliau lebih berhati-hati, beliau boleh mengelakkan kemalangan ini daripada berlaku. Akhir sekali defendan bersetuju bahawa beliau telah menghalang laluan plaintif.

[17] Peguam defendan di dalam penghujahannya tidak menafikan bahawa defendan cuai, tetapi menghujahkan bahawa plaintif juga turut cuai kerana menunggang motorsikal pada kelajuan yang tinggi dan gagal mengambil langkah-langkah untuk mengelak kemalangan ini. Peguam defendan telah merujuk kepada kes *Chan Peng Fook v Kan Pak Lee* [1974] 2 MLJ 197 di mana mahkamah memutuskan:

When the possibility of danger was apparent there was a special duty created by s 25 of the Highway Code to take precautions and the failure to take them was negligence.

1 [18] Mahkamah tidak dapat bersetuju dengan hujahan peguam defendan.
Di sebaliknya mahkamah mendapati bahawa daripada keterangannya
seperti yang dinyatakan tadi, plaintif telah berjaya membuktikan kesnya di
atas imbangan kebarangkalian. Fakta bahawa plaintif tidak dapat mengelak
5 kemalangan ini daripada berlaku bukanlah bermakna plaintif cuai. Defendan
telah masuk ke laluan plaintif dengan tiba-tiba dan mengakibatkan satu
situasi "*agony of the moment*" yang tidak boleh dielak oleh plaintif. Mahkamah
merujuk kepada kes *Govinda Raju & Anor v Laws* [1966] 1 MLJ 188 di mana
mahkamah mengatakan bahawa jika plaintif diletakkan di dalam situasi
10 sedemikian adalah cukup bagi beliau untuk menunjukkan bahawa beliau
telah cuba mengelakkan kemalangan tersebut. Mahkamah di dalam kes
tersebut telah memutuskan:

It is the case of a moving vehicle trying to turn right in the path of an on-coming
motorcycle and intending to enter a lane to a house. The plaintiff saw the
motorvehicle swerving into his path. Perplexed by being exposed to the danger
15 created by the defendant he also swerved to his right in an attempt to avoid the
accident but failed. To my mind, when a plaintiff is perplexed or agitated when
exposed to a danger by the wrongful act of a defendant, it is sufficient if he shows as
much judgment and control in attempting to avoid the accident as may reasonably
be expected of him in the circumstances.

20 [19] Keadaan bagaimana defendan telah memasuki laluan plaintif, jika
dilihat kepada kesan-kesan kemalangan adalah secara menyerong daripada
laluan defendan, terus ke laluan plaintif. Ini digambarkan di dalam kes yang
dikemukakan oleh peguam plaintif, iaitu *Taharuddin b Ahmad v Leo Moi &
Anor* [1989] 2 CLJ (Rep) 543:

25 Held [4]
The evidence shows that the accident occurred on the first defendant's side of the
road and that the plaintiff had come diagonally from his side of the road onto the
lane of the first defendant's car hitting the front off-side of the car and deflected
the same to the left.

30 [20] Di dalam kes *Taharuddin* mahkamah telah meneliti kesan pecahan kaca
dan kesan brek yang berada di laluan defendan memutuskan bahawa plaintif
telah memasuki laluan defendan kerana kesemua kesan berada di laluan
defendan. Keadaan yang sama di dalam yang di hadapan mahkamah, di
mana kesemua kesan-kesan kemalangan, iaitu kesan brek dan kesan pecahan
35 adalah di laluan sah plaintif. Maka jelas memang defendan telah memasuki
laluan sah plaintif.

40 [21] Kes-kes yang dikemukakan oleh peguam defendan seperti *Tan Ah
Chye v Chin Kong Sang* [1976] 2 MLJ 237; *Mohamed Hashim v Lim Ah Too &
Anor* [1969] 2 MLJ 205 dan *Mariam bt Ahad v Ernesto A Gacad & Anor* [1986] 1
MLJ 266 melibatkan kemalangan yang berlaku di garisan tengah pembahagi
jalan atau berhampiran garisan tengah pembahagi jalan. Di dalam kes yang

di hadapan mahkamah tiada bukti bahawa pertembungan berlaku di garisan tengah pembahagi jalan. Semua kesan-kesan kemalangan adalah di laluan plaintif sepenuhnya. Maka ini adalah satu kes “*total encroachment*” yang diakibatkan oleh defendan yang mencero bohi laluan sah plaintif kerana tidak mengambil langkah berhati-hati.

[22] Maka berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah, setelah mendengar keseluruhan keterangan di dalam kes ini dan menimbang kan hujahan-hujahan pihak-pihak memutuskan bahawa defendan adalah bertanggung jawab sepenuhnya di dalam kemalangan ini.

Kuantum

[23] Di dalam membuat keputusan mengenai kuantum, mahkamah telah merujuk kepada laporan-laporan perubatan dan laporan-laporan pakar yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak, iaitu:

- (i) Laporan perubatan daripada Hospital Slim River;
- (ii) Laporan perubatan daripada Hospital Teluk Intan;
- (iii) Laporan perubatan daripada Taiping Medical Centre;
- (iv) Surat klarifikasi daripada Hospital Slim River, Teluk Intan, Taiping Medical Centre;
- (v) Laporan pakar daripada Klinik Pakar John Anantham;
- (vi) Laporan pakar defendan.

i. Cerebral concussion

[24] Bagi kecederaan ini mahkamah membenarkan RM5,000.00 seperti yang dicadangkan oleh peguam plaintif yang berpandukan kes-kes *Hassim b Hashim v Mohd Azwar b Ayob* [2012] 1 PIR [59] dan *Zainuddin b Ahmad v Ismail b Fakir Muhamed & Anor* [2012] 1 PIR [67]. Peguam defendan menghujahkan bahawa tiada sebarang award untuk *cerebral concussion* patut diberikan kerana laporan awalan daripada Hospital Slim River menyebutkan plaintif tidak mengalami “*loss of consciousness*” dan laporan Perubatan Hospital Teluk Intan tidak menyebutkan tentang *cerebral concussion*. Walaubagaimanapun mahkamah mendapati bahawa laporan perubatan daripada Taiping Medical Centre ada menyebutkan bahawa “*cerebral concussion managed conservatively.*” Begitu juga laporan Pakar Orthopedik John Anantham yang merujuk laporan Perubatan Hospital Taiping ada menyebutkan *cerebral concussion*. Di sini mahkamah merumuskan bahawa “*loss of consciousness*” tidak boleh disamakan dengan *cerebral concussion*. Seseorang yang mengalami *cerebral concussion* tidak semestinya mengalami “*loss of consciousness.*” Maka mahkamah berpendapat bahawa award bagi *cerebral concussion* perlu diberikan kerana ia adalah berakibat daripada kemalangan ini.

1 ***ii. Closed fracture of the right humerus***

[25] Peguam plaintif menghujahkan RM18,000.00 bagi kecederaan ini berpandukan kes-kes *Hilda alp Sandiavoo v Leong Pui Yee* [2011] 2 PIR [70] dan
5 *Lee Eng Chuan v Png Kun Seah* [2011] 1 PIR [60] di mana jumlah yang sama diawardkan bagi kecederaan ini dan kes *Faizul Salleh & Anor v Lim Kooi Seng & Anor* [2011] 2 PIR [31] di mana RM23,000.00 diawardkan.

[26] Peguam defendan mencadangkan RM12,000.00 bagi kecederaan ini, Walaubagaimanapun kes-kes yang dirujuk oleh peguam defendan mempunyai
10 “*trend of awards*” yang sama dengan kes-kes yang dirujuk oleh peguam plaintif. Peguam defendan telah merujuk kepada kes-kes *Ahmad Zarrin Anas b Ahmad Kamal v Mohd Amirul Azizi b Abdul Gani* [2011] 2 PIR [54] di mana RM20,000.00 diawardkan untuk “*radial nerve palsy*” dengan kecacatan kekal dan *Amera Farhana bt Rahmad & 3 Ors v Shah Rudin b Abd Rahman & 3 Ors*
15 [2011] 2 PIR [28] di mana RM18,000.00 diawardkan untuk *fracture of the left humerus* dengan kependekan 1 cm dan kecacatan kekal.

[27] Maka dengan mempertimbangkan kes-kes yang dirujuk oleh pihak-pihak, penghujahan yang dikemukakan, dan “*residuals*” yang dihadapi oleh plaintif, “*muscle wasting,*” kesulitan mengangkat barang-barang berat, mahkamah mengawardkan jumlah yang munasabah bagi kecederaan ini, iaitu RM15,000.00.

iii. Fracture neck of the fifth metacarpal bone

[28] Bagi kecederaan ini plaintif melalui peguamnya memohon RM8,000.00
25 dengan mengemukakan kes-kes *Lim Peng Khoon & 3 Ors v Azizul Azreen b Abd Rahim & Anor* [2012] 1 PIR [20] (RM7,000.00 diawardkan untuk kecederaan ini) dan kes *Azman b Sakio & Anor v Kang Kok Tai (Thye) & Anor* [2010] 2 PIR [2] di ms 3 (RM8,000.00 bagi kecederaan yang sama).

[29] Peguam defendan telah mengemukakan kes-kes *Ahmad Zarrin Anas b Ahmad Kamal v Mohd Amirul Azizi b Abdul Gani* [2011] 2 PIR [54] (RM3,000.00 untuk “*fracture of the left fourth metacarpal bone*” dan *Lim Soon Lai & Anor v Ganapathy all Vityalingam & Anor* [2007] 1 PIR [58] (RM2,000.00 untuk *cut tendons of the left fourth and fifth fingers*). Jumlah yang dicadangkan oleh peguam defendan adalah RM5,000.00 untuk “*Closed fracture of the right fifth metacarpal bone associated with tendon rupture to the fourth and fifth digits.*”
35

[30] Mahkamah berpendapat bahawa RM5,000.00 yang dicadangkan oleh peguam defendan adalah lebih munasabah dan berpatutan dan tidak jauh daripada jumlah yang dicadangkan oleh peguam plaintif berpandukan kes-kes yang dikemukakan.
40

iv. Closed fracture of the right femur

[31] Mahkamah mengawardkan RM30,000.00 bagi kecederaan ini setelah menimbangkan hujahan pihak-pihak dan kes-kes yang dirujuk oleh peguam plaintif. Peguam plaintif mencadangkan RM38,000.00 bagi kecederaan ini. Peguam defendan mencadangkan RM28,000.00 tanpa merujuk kepada apa-apa otoriti. Otoriti-otoriti yang dirujuk oleh peguam plaintif adalah *Rugber Kaur a/p Ajaib Singh v Ho Shee Fun* [2011] 2 PIR [26] di mana Mahkamah Sesyen mengawardkan RM30,000.00 bagi kecederaan ini dan dikekalkan sehingga peringkat Mahkamah Rayuan. Otoriti kedua adalah kes *Firdaus b Abd Malik & Anor v Wee Kok Choo* [2011] 1 PIR [15] di mana mahkamah mengawardkan RM35,000.00 bagi kecederaan yang sama dengan kependekan 0.5 cm. Kes ketiga yang dirujuk oleh peguam plaintif adalah kes *Mohamad Azmil b Kadir v Noraizi b Kassim & Anor* [2010] 1 PIR [3] di mana mahkamah mengawardkan RM35,000.00 bagi kecederaan ini dengan kependekan 0.7 cm.

[32] Berpandukan “*trend of awards*” yang ditunjukkan di dalam kes yang dirujuk oleh peguam plaintif itu dan mengambilkira bahawa plaintif turut mengalami kecacatan kekal dan kependekan yang tidak dipertikaikan, di mana ukuran kependekan sahaja yang dipertikaikan, mahkamah mengawardkan RM30,000.00 bagi kecederaan ini.

v. Right knee posterior cruciate ligament rupture

[33] Peguam plaintif dan defendan masing-masing mencadangkan jumlah yang begitu jauh berbeza bagi kecederaan ini. Peguam plaintif mencadangkan RM30,000.00 manakala peguam defendan mencadangkan RM8,000.00. Peguam plaintif mengemukakan dapatan doktor pakar plaintif di mana disebutkan bahawa plaintif mengalami kecacatan kekal seperti plaintif akan berjalan di dalam keadaan tempang, tidak dapat berdiri di dalam jangka waktu yang lama, menghadapi kesukaran untuk berjalan di atas permukaan yang tidak rata dan juga untuk menaiki anak tangga. Laporan pakar plaintif juga mengatakan bahawa terdapat kemungkinan plaintif akan mengalami *osteoarthritis* di masa yang akan datang. Laporan pakar pilihan defendan menyebutkan bahawa kecacatan plaintif ini boleh dirawat tanpa pembedahan dengan cara melakukan senaman. Peguam plaintif merujuk kepada kes-kes berikut:

- a. *Mohamed Ali Jinah v Lui Kuan Yong* [2010] 1 PIR [39] di mana mahkamah mengawardkan RM20,000.00 untuk kecederaan “*Grade 3 laxity of the posterior cruciate ligament.*”
- b. *Mohd Roslan b Mohd Ilias v Mat Amran b Talib* [2011] 2 PIR [37] di mana mahkamah mengawardkan RM20,000.00 bagi kecederaan “*avulsion fracture posterior cruciate ligament of the right knee with disabilities.*”

1 c. *Muhamad Fuad b Yahya v Loh Kok Wei* [2010] 1 PIR [28] di mana mahkamah mengawardkan RM25,000.00 bagi kecederaan ini dan tambahan RM5,000.00 bagi *osteoarthritis*.

5 [34] Peguam defendan telah merujuk kepada kes *Lim Boon Kwee v Isram b Maksom & Anor* [2010] 2 PIR [4] di mana RM8,000.00 diawardkan bagi "*Grade III anterior cruciate ligament tear in the right knee*."

10 [35] Mahkamah mendapati bahawa meskipun laporan pakar pilihan defendan mengatakan kecederaan ini boleh dirawat dengan senaman, namun ia tidak menidakkan dapatan kecacatan-kecacatan kekal di dalam laporan
15 plaintif, termasuklah kemungkinan plaintif menghadapi "*osteoarthritis*" di masa yang akan datang, kes yang dirujuk oleh peguam defendan pula adalah untuk kecederaan "*cruciate ligament tear*" sahaja tanpa apa-apa kecacatan kekal. Maka mahkamah memutuskan bahawa award yang lebih adil dan munasabah adalah RM15,000.00 bagi kecederaan ini.

vi. Laceration

20 [36] Mahkamah membenarkan RM4,000.00 kerana plaintif mengalami satu *laceration* sahaja, iaitu "*right leg – distally based flap laceration*." Peguam plaintif telah memohon RM5,000.00 bagi kecederaan ini dengan merujuk kepada kes *Firdaus b Abd Malik & Anor v Wee Kok Choo* [2011] 1 PIR [15].

vii. Multiple scars

25 [37] Mahkamah mengawardkan RM6,000.00 dengan mempertimbangkan hujahan peguam plaintif dan defendan dan keadaan parut-parut yang dialami plaintif, iaitu di sekitar lengan, kaki, paha betis dan jari-hari yang berukuran di antara 2.5 cm hingga 12 cm. Peguam plaintif mencadangkan RM5,000.00 dengan merujuk kepada kes *Firdaus b Abd Malik & Anor Wee Kok Choo* [2011] 1 PIR [15]. Peguam defendan mencadangkan RM4,000.00 mencadangkan
30 tanpa merujuk kepada sebarang otoriti. Mahkamah berpendapat bahawa jumlah RM6,000.00 adalah adil dan munasabah.

Ganti rugi khas

35 1. *Perbelanjaan membaiki motorsikal*

[38] Mahkamah tidak membenarkan item ini kerana tidak dibuktikan. Bil yang dikemukakan cuma ID dan tidak dijadikan ekshibit. Pembuat dokumen tersebut tidak dipanggil bagi menjelaskan jumlah RM1,500.00 yang dikatakan dibelanjakan bagi item ini.

2. Perbelanjaan pengangkutan

1

[39] Mahkamah membenarkan RM300.00 tanpa apa-apa bukti dokumen. Mahkamah berpendapat bahawa jumlah ini adalah munasabah kerana plaintif memang telah dimasukkan ke wad dan adalah menjadi kelaziman masyarakat kita untuk melawat ahli keluarga yang terpaksa ditahan di wad untuk dirawat dan tidak wajar jika mahkamah menolak keseluruhannya item ini.

5

3. Pembedahan masa hadapan

[40] Mahkamah membenarkan RM6,000.00 yang dipohon oleh pihak plaintif. Doktor pakar plaintif telah menyatakan bahawa pembedahan untuk mengeluarkan besi di tulang *humerus* dan *femur* adalah RM6,000.00. Laporan pakar pilihan defendan tidak mengatakan bahawa besi tersebut tidak perlu dikeluarkan. Peguam defendan tidak mempertikaikan bahawa pembedahan ini perlu dilakukan, tetapi telah memohon ditolak $\frac{1}{3}$ tanpa apa-apa justifikasi. Maka mahkamah berpendapat adalah wajar dibenarkan jumlah yang dipohon oleh plaintif bagi item ini sepenuhnya.

10

15

[41] Mahkamah juga membenarkan faedah dan kos bagi tuntutan plaintif ini.

[42] Keputusan mahkamah secara ringkas adalah seperti berikut:

20

Liabiliti

[43] Defendan adalah bertanggung 100% di dalam kemalangan ini.

Kuantum

25

1) *Ganti rugi am*

i. Cerebral concussion	RM 5,000.00	
ii. Closed fracture of the right humerus	RM15,000.00	
iii. Fracture neck of the fifth metacarpal bone	RM 5,000.00	30
iv. Closed fracture of the right femur	RM30,000.00	
v. Right knee posterior cruciate ligament rupture	RM15,000.00	
vi. Laceration	RM 4,000.00	35
vii. Multiple scars	<u>RM 6,000.00</u>	
	<i>JUMLAH</i>	
	<u><u>RM80,000.00</u></u>	

40

1 2) *Ganti rugi khas*

	a) Perbelanjaan membaiki motorsikal	ditolak
	b) Perbelanjaan pengangkutan	RM 300.00
5	c) Pembedahan masa hadapan	<u>RM 6,000.00</u>
	<i>JUMLAH</i>	<u><u>RM 6,300.00</u></u>

[44] Kos dokumen di bawah kos tindakan.

10 [45] Faedah pada kadar 2% setahun atas ganti rugi khas bermula dari tarikh kemalangan hingga tarikh penghakiman, 4% setahun atas ganti rugi am bermula dari tarikh penerimaan saman hingga tarikh penghakiman dan 4% setahun atas penghakiman dari tarikh penghakiman hingga tarikh pembayaran.

15

20

25

30

35

40